

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

**Kuala Lumpur:** Pematuhan prosedur operasi standard (SOP) perlu sentiasa diamalkan setiap masa apatah lagi pada musim perayaan kerana virus Covid-19 masih wujud dalam komuniti.

Pensyarah Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat berkata, kelalaian pematuhan SOP terutama kelompok dalam aspek kuarantin sendiri di rumah akan menjadi penyumbang kepada peningkatan kes.

Katanya, walaupun kenaikan kes pada masa ini masih dalam keadaan terkawal, na-

## ***Pencegahan sendiri elak dijangkiti Covid-19***

mun semua pihak perlu bertanggungjawab membuat langkah pencegahan sendiri.

"Tidak kira waktu apatah lagi musim raya, kita sepatutnya dalam fasa semua orang kena ada rasa tanggungjawab mengambil langkah pencegahan sendiri.

"Sekiranya semua orang faham kepada keperluan mematuhi SOP pada situasi tertentu terutama jika ber-

gejala, sepatutnya ok.

"Selagi kita rasa kita golongan rentan atau kita pembawa virus, kesedaran untuk patuh SOP adalah menjadi satu kemestian," katanya.

Beliau mengulas keperluan terus mengamalkan pematuhan SOP ketika musim perayaan.

Mengulas lanjut, Dr Halimatus Sakdiah berkata, peringatan dan kesedaran me-

ngenai pematuhan SOP perlu sentiasa dilakukan.

"Kesedaran individu ini paling mustahak pada ketika ini contohnya peringatan perlu terus dilakukan.

"Ini yang saya nampak sudah semakin berkurangan dan apabila peringatan kurang akan membuatkan orang leka dan rasa selamat sedangkan virus Covid-19 masih ada di sekeliling kita," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEGARA

## Exco Kesihatan Negeri perlu main peranan

**PUTRAJAYA** – Exco Kesihatan Negeri digesa untuk memainkan peranan aktif dalam memastikan pembentangan Kertas Putih Kesihatan pada masa depan dapat direalisasikan sebaiknya.

Perkara itu diminta Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustapa selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Exco Kesihatan Negeri yang pertama di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan (KKM) kelmarin.

"Secara tuntas, mesyuarat itu turut membentangkan isu-isu penting mengenai Kertas Putih Kesihatan, Perbelanjaan dan Projek Pembangunan KKM dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

"Saya turut menggesa setiap Exco Kesihatan Negeri agar dapat memainkan peranan aktif dalam memastikan pembentangan Kertas Putih Kesihatan dapat direalisasikan," katanya

dalam kenyataan semalam.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, penganjuran mesyuarat itu membuktikan komitmen kerajaan dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan di setiap negeri.

"Mesyuarat terbabit diha-diri Exco Kesihatan mewakili setiap negeri merupakan satu platform bagi menyampaikan keputusan dan dasar semasa KKM untuk makluman dan tindakan seterusnya.

"Ia juga bertujuan membincangkan isu-isu semasa dan perkara-perkara berbangkit daripada Menteri Kesihatan bersama Exco Kesihatan Negeri yang lepas.

"Selain itu, ia merupakan satu platform bagi membentangkan maklumat-maklumat khusus untuk perbincangan dan keputusan ahli mesyuarat," ujarnya.



**MENTERI** Kesihatan meminta Exco Kesihatan Negeri memainkan peranan agar visi KKM berjalan lancar. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

## Pastikan guna peruntukan KKM secara optimum - Dr Zaliha

**PUTRAJAYA** - Kerajaan negeri bertanggungjawab memastikan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Perpaduan diguna secara optimum bagi memenuhi keperluan rakyat.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, peruntukan yang telah ditetapkan kerajaan dilakukan setelah membuat penelitian terperinci terhadap keperluan dan kepentingan rakyat di setiap negeri selaras dengan konsep Malaysia Madani.

Menurutnya, mesyuarat bersama Exco Kesihatan negeri kali pertama yang berlangsung di ibu pejabat KKM telah membentangkan maklumat berkaitan Analisa Belanjawan 2023 dan peruntukan perbelanjaan kementerian.

"Di bawah Belanjawan 2023, KKM merupakan kementerian yang menerima peningkatan peruntukan kedua terbesar selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan kesihatan awam," katanya menerusi satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, mesyuarat turut membentangkan isu-isu penting mengenai Kertas Putih Kesihatan, Perbelanjaan dan Projek Pembangunan KKM serta Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

"Saya turut menggesa setiap Exco negeri agar dapat memainkan peranan aktif bagi memastikan pembentangan Kertas Putih Kesihatan dapat direalisasikan.

"Saya juga berharap agar mesyuarat ini akan dijadikan platform yang menjadi pemangkin untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia Madani yang sihat sejahtera," ujar Dr Zaliha.

KKM menerima peruntukan kedua terbesar dalam Belanjawan 2023 iaitu sebanyak RM36.3 bilion berbanding RM32.4 bilion pada tahun sebelumnya.

“

*Saya turut menggesa setiap Exco negeri agar dapat memainkan peranan aktif bagi memastikan pembentangan Kertas Putih Kesihatan dapat direalisasikan.”*



DR ZALIHA

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Hartal Doktor Kontrak tuntutan tiga perkara jamin kebajikan, kerjaya

# Tubuh suruhanjaya

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Sekretariat Hartal Doktor Kontrak menuntut Kementerian Kesihatan dan kerajaan segera menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan dan Reformasi Kesihatan bagi memperkasakan kebajikan dan jaminan kerjaya staf kesihatan kontrak di negara ini.

Sekretariat itu turut menuntut supaya wakil mereka dilantik menganggotai Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang ditubuhkan Kementerian Kesihatan bagi membincangkan krisis dan isu-isu melibatkan kepentingan doktor kontrak.

Seterusnya, mereka menuntut pihak kementerian dan kerajaan memberi hak sama rata dari segi kebajikan untuk pega-

wai dan staf perubatan kontrak seperti mana yang berjawatan tetap.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap sekretariat itu berkata, tiga perkara tersebut dibangkitkan dalam pertemuan dengan Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa dan dinyatakan dalam memorandum mereka bagi menuntut kesaksamaan kebajikan untuk pegawai dan

staf perubatan kontrak.

“Sekiranya isu ini ditangani dengan baik, kerajaan mampu menarik lebih ramai tenaga kerja profesional berkaitan sektor kesihatan yang secara tidak langsung mampu memberi jaminan keutuhan dan kejayaan reformasi sistem kesihatan di Malaysia,” kata beliau di sini semalam.

**Bersambung di muka 3**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Tubuh suruhanjaya

Dari muka 1

Perkara berkaitan jaminan kerjaya lebih adil adalah antara tiga tuntutan kepada kerajaan sebagai satu manifestasi dan kebimbangan barisan doktor dan staf kesihatan kontrak selepas dibelenggu isu-isu berkaitan kebijakan pekerjaan yang berpanjangan.

Walaupun ada usaha-usaha yang telah diambil kementerian sebelum ini, namun pihaknya percaya ia mampu diatasi lebih baik dan ada sesetengah langkah perlu diperkasakan bagi menjamin kelangsungan dan masa depan golongan itu.

Dalam hal itu, kata jurucakap sekretariat itu lagi, pihaknya turut menuntut penyertaan wakil daripada Sekretariat Hartal Doktor Kontrak bagi menganggotai Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang ditubuhkan kementerian bagi membincangkan



**Kami tegaskan isu yang sedang membelenggu staf kesihatan kontrak haruslah ditangani segera.”**

krisis dan isu-isu melibatkan kepentingan doktor kontrak.

“Kami percaya dengan penglibatan wakil daripada sekretariat ini dapat memberi lebih makna dalam perbincangan mewakili suara dasar berkepentingan yang dihadapi kami,” kata jurucakap berkenaan.

Mengenai tuntutan ketiga, sekretariat berkenaan mahu kerajaan menyoergerakan proses penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesi-

hatan dan Suruhanjaya Reformasi Kesihatan bertujuan memperkasakan kebijakan dan jaminan kerjaya untuk staf kesihatan kontrak di Malaysia.

“Kami tegaskan isu yang sedang membelenggu staf kesihatan kontrak haruslah ditangani segera.

“Segala jerih-perih dan pengorbanan yang dicurahkan sepanjang pandemik Covid-19 tidak boleh dipandang sepi begitu sahaja. Adalah menjadi harapan kami agar permohonan ini dipertimbangkan sewajarnya dan langkah proaktif diambil segera,” katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini mengumumkan bahawa kerajaan akan menyerap 12,800 doktor kontrak yang tamat latihan klinikal (housemanship) ke jawatan tetap secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

Langkah itu bermula dengan

4,300 pegawai kontrak akan diserapkan ke jawatan tetap tahun ini dan bakinya akan menyusul sehingga semuanya selesai menjelang 2025 membabitkan implikasi kewangan tambahan sekitar RM1.7 bilion.

Pada 1 April lalu, Kabinet turut bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak dengan jawatankuasa itu akan menggabungkan beberapa kementerian dan agensi, termasuk membabitkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Sebelum ini, kumpulan dikenali Mogok Doktor Malaysia mendakwa lebih 8,000 doktor kontrak melakukan mogok antara 3 hingga 5 April lalu dengan mengambil cuti perubatan atau kecemasan sebagai protes terhadap sistem tidak adil dan gaji rendah dalam sektor penjagaan kesihatan awam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : RENCANA

MOHD.  
RASHIDI  
ABDULL  
MANAP



**N**IKOTINA ialah bahan atau sebatian kimia semula jadi berasal daripada daun tembakau. Ia tergolong dalam kumpulan sebatian organik alkaloid piridina serta mempunyai sistem tatanama IUPAC, 3-(1-metil-2-pirrolidinil) piridina dan formula kimia C<sub>10</sub>H<sub>14</sub>N<sub>2</sub>. Bahan kimia ini dikenali dengan sifat-sifat cecair berwarna kuning pucat, bau kuat dan tidak menyenangkan serta memberi ketagihan.

Molekul nikotina boleh dijumpai dalam pelbagai bentuk, biasanya dalam bes bebas dan terprotonasi. Kedua-dua bentuk ini dijadikan bahan utama dalam produk tembakau dan cecair vape (rokok elektronik) bernikotin yang banyak digunakan oleh masyarakat negara ini.

Vape menggunakan formulasi bahan mengandungi gliserin sayuran, propilena glikol, bahan perisa, pewarna dan nikotina. Pada waktu ini, pengguna boleh memilih e-cecair bernikotin dengan peraturan formulasi mengikut pilihan mereka seperti kepelbagaian dalam nisbah gliserin kepada propilena glikol, peraturan nikotina serta penambahan pewarna dan pemanis. Bagaimanapun, ini memberi cabaran kepada saintis kerana nikotina mungkin sukar dikesan di dalam sampel e-cecair bernikotin yang dikaji kerana kerumitan kandungannya.

Ketiadaan peraturan e-rokok dan formulasi e-cecair bernikotin di sesetengah negara dipercayai akan memberi potensi risiko kesihatan kepada pengguna. Bagaimanapun, beberapa negara mempunyai peraturan nikotina di dalam e-cecair.

Berdasarkan analisa spektroskopi dilaksanakan oleh kumpulan penyelidikan saya, beberapa e-cecair bernikotin telah dilabel secara palsu oleh peruncit dan dijual kepada komuniti. Didapati pengilang melabelkan kepekatan nikotina dalam lingkungan 3 mg/ml hingga 50 mg/ml. Namun, setelah analisa

# Label palsu mempercepat pengguna vape pada 'maut'



**TANPA** peraturan khusus mengawal kandungan dan bahan terlarang dalam e-cecair bernikotin, perisa mengandungi kimia diasetil boleh digunakan secara bebas dan dijual di negara ini. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

**Kementerian terbabit gagal mengemukakan sebarang peraturan terhadap kepekatan nikotina yang dibenarkan dalam e-cecair bernikotin."**

dilaksanakan, kepekatan lebih tinggi ditemui.

Peraturan berkenaan kepekatan nikotina dalam e-cecair bernikotin diperlukan segera untuk memastikan keselamatan pengguna dan menangani kebimbangan terhadap peningkatan penggunaannya.

Di Malaysia, nikotina yang tersenarai sebagai racun adalah bahan terkawal di bawah Akta Racun Malaysia 1952 dan hanya boleh dikendalikan oleh orang yang

diberi kuasa seperti doktor dan ahli farmasi berdaftar. Akan tetapi, berkuat kuasa 1 April lalu, Menteri Kesihatan mengecualikan e-cecair bernikotin daripada kawal seliaan Akta Racun 1952 melalui Perintah Racun (Pindaan Senarai Racun) 2023.

Sungguhpun demikian sehingga penulisan ini, kementerian terbabit gagal mengemukakan sebarang peraturan terhadap kepekatan nikotina yang dibenarkan dalam e-cecair bernikotin serentak dengan pewartaan Perintah Racun (Pindaan Senarai Racun) 2023 tersebut.

## PEWARNA, PEMANIS

Tambahan lagi, pihak berkuasa juga gagal mewartakan peraturan-peraturan khusus untuk mengawal kandungan dan bahan terlarang dalam e-cecair bernikotin. Adalah penting untuk mengawal kandungannya seperti tahap kepekatan nikotina yang selamat dan penyalahgunaan perisa mengandungi bahan-

bahan berbahaya seperti diasetil atau lain-lain bersifat karsinogenik, mutagenik dan toksik sebagaimana wujud di negara-negara maju.

Tanpa peraturan berkenaan, kandungan e-cecair bernikotin, bahan perisa mengandungi kimia diasetil boleh digunakan secara bebas dan dijual di negara ini. Adalah penting untuk diambil perhatian bahawa peraturan e-cecair bernikotin di Asia Tenggara masih berkembang dan garis panduan mungkin berubah pada masa hadapan.

Oleh itu, disyorkan individu dan syarikat perniagaan dalam industri vape sentiasa mengemaskini aktiviti berlandaskan peraturan dan garis panduan semasa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Sebagai ahli kimia, saya menyokong penuh tindakan kerajaan menyahsenaraikan nikotina daripada Akta Racun Malaysia 1952 untuk tujuan percukaian e-cecair. Ini kerana ia dapat membuka dimensi baharu dan menjamin penyelidikan di peringkat molekul dalam bidang e-cecair.

Kaedah terkini untuk menganalisis e-cecair bernikotin boleh dikategorikan kepada dua jenis - kromatografi dan spektroskopi. Kromatografi masih dianggap sebagai pilihan utama untuk menganalisis nikotina dalam sampel e-cecair bernikotin.

Seiring kemajuan teknologi kimia pembuatan, formulasi e-cecair bernikotin akan menjadi lebih kompleks kerana bahan homogenus yang dilarang seperti larutan kanabis atau dadah generasi baharu boleh dicampur. Secara tidak langsung, ia akan membuka pasaran baharu dan dinamik. Walaupun terdapat kaedah pengesanan langsung tersedia, ia tidak dapat mengenal pasti semua bahan yang dilarang dalam matriks disebabkan oleh persamaan dalam struktur kimia, perbezaan kekutuban dan kurangnya pangkalan data.

Terdapat beberapa syor boleh dilakukan oleh pihak berkuasa:

- Mewujudkan peraturan lengkap tentang bahan dibenarkan seperti nikotina dan tidak dibenarkan (pewarna, pemanis dan lain-lain) di dalam e-cecair bernikotin.
  - Menyediakan direktori lengkap makmal sains di pihak kerajaan dan swasta yang boleh menguji kandungan bahan kimia mengikut piawaian antarabangsa.
  - Kutipan cukai e-cecair bernikotin tidak boleh berdasarkan kepekatan tetapi berdasarkan kadar rata per mililiter. Kadar cukai rata setiap mililiter boleh diwujudkan untuk mengelak salah deklarasi dan memastikan sistem percukaian yang adil. Pada masa sekarang, kadar cukai yang diperkenal untuk nikotina untuk e-cecair di Malaysia ialah 40 sen per mililiter.
  - Mempunyai peraturan sewajarnya untuk menyekat penjualan kepada mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun, memantau penjualan dan pemasaran dan memantau dengan teliti kandungan dan bahan dilarang di dalam e-cecair bernikotin.
  - Makmal penyelidikan harus mempunyai pangkalan data dan sentiasa dikemaskini kerana varian baharu muncul dengan cepat untuk mengelak pengesanan secara analisa dan undang-undang.
- Kaedah pengesanan semasa adalah perlahan dan mahal. Oleh itu, kerajaan perlu menyediakan dana penyelidikan khas kepada ahli kimia untuk penyelidikan asas dalam e-cecair sama ada bernikotin atau tidak yang dipasarkan di negara ini.

DR. Mohd. Rashidi Abdull Manap ialah Pensyarah Nanan di Jabatan Kimia, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 29  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Cukai vape beri kelesaan kepada pengusaha, peniaga - Shahabudeen

**PETALING JAYA:** Keputusan kerajaan mewartakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik (e-rokok) memberikan nafas baharu terhadap industri vape di negara ini.

Pengarah Urusan Nanostix Innovations Sdn. Bhd., Shahabudeen Jalil berkata, ini kerana peniaga vape kini vape dapat beroperasi dengan lebih teratur dan terkawal selepas lebih 10 tahun memperjuangkan isu itu.

Justeru, katanya, industri vape sememangnya amat menghargai langkah tegas, berani dan muktamad yang diambil Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu.

"Ini kerana setelah 10 tahun berjuang di bawah 5 kerajaan berbeza, ini satu era baru bagi industri vape tanah air.

"Bagi pengusaha, kami lebih selesa berniaga kerana ia sudah mempunyai undang-undang dan legal. Bagi pengguna pula, ia lebih selamat dan terjamin

"Cukai yang dikenakan juga sangat berpatutan, memandangkan cadangan sebelum ini ialah

RM 1.20 dan kini hanya RM 0.40 per mililiter (ml). Jadi, ini tidak membebankan peniaga dan pengusaha dalam keadaan sekarang," katanya.

Pelaksanaan cukai itu diumumkan menerusi notis warta Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan 31 Mac lepas Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Cukai dikenakan pada kadar 40 sen setiap ml bagi rokok elektronik yang mempunyai kandungan nikotin.

Berdasarkan notis warta tersebut, duti baharu itu berkuat kuasa berikutan bermulanya Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2023.

Sementara itu, warta dikeluarkan Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa menyatakan nikotin termasuk tembakau, tampalan dan gula-gula getah, cecair dan gel nikotin kini dikecualikan daripada Akta Racun 1952.

Pengecualian itu terpakai ke atas tampalan dan gula-gula getah nikotin, yang didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

# Call to absorb more contract doctors

## Hartal: Protect welfare of all healthcare staff

By MAZWIN NIK ANIS  
mazwin@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** More contract doctors need to be absorbed into permanent positions because the number assured by the government is insufficient, especially since more contract doctors are hired each year, says the Hartal Doktor Kontrak group.

Its spokesperson, Dr Muhammad Yassin, said this is why the group is pushing for the setting up of the Health Services Commission to better manage human resources in the country's healthcare system.

"The government has assured 12,800 positions, but at the moment, we have 20,300 contract doctors. What about the rest?"

"On top of this, there are about 5,000 new contract doctors being taken each year. So, it is not enough," he said when met by reporters after submitting a memorandum to Health Minister Dr Zaliha Mustafa yesterday.

Dr Muhammad was asked about the 12,800 contract doctors who

are expected to be absorbed into permanent positions within the next three years.

Recently, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim told the Dewan Rakyat that the government, through Budget 2023, had allocated RM19.7bil for emoluments, an increase of RM3bil from the previous year.

Of the additional allocation, RM1.2bil was allocated for pay rises, RM600mil for contract appointments, and RM1.1bil for absorption into permanent positions.

Anwar also said that for 2023, a total of RM1.7bil was allocated for recruiting more contract doctors and to absorb existing ones into permanent positions.

At the meeting, Dr Muhammad said the minister had assured him that constant engagements would be held with Hartal Doktor Kontrak as well as other groups.

"We will act as a bridge between contract doctors and the government to relay suggestions and views that affect us," he said.

In the memorandum, Hartal Doktor Kontrak has, among others, requested to be included as a member of the high-level committee set up by the ministry to look into issues involving the interests of contract doctors.

The group also urged the government to expedite the setting up of a Health Services Commission and a Health Reformation Commission.

"We urge the ministry and the government to take proactive measures to protect the welfare of all contract healthcare staff by ensuring career growth and development.

"We want to see issues affecting contract healthcare workers quickly resolved. All the pain and sacrifices we made during the Covid-19 pandemic should not be forgotten," the memorandum said.

**FOR MORE STORIES:**  
See page 10



AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NATION

10 Nation

THE STAR, WEDNESDAY 12 APRIL 2023

# EPF, the best medicine for docs

It's a win-win situation. Contract doctors will get permanent jobs, EPF will get more contributors and the government will save billions of ringgit.

THE contract doctors, whose list of problems is long, just want permanent jobs to assure them of security; the government, on the other hand, has to worry about its hefty wage bill and the pension bill.

The government's wage bill could hit more than RM120bil for 2023, with the pension scheme expected to cost RM31.07bil. It's a heavy strain on the government budget.

So, is there a win-win solution for the doctors? There may be.

They could be absorbed into permanent service, but with a non-pensionable scheme.

The Employees Provident Fund (EPF) scheme is already in place, with some doctors now in the civil service already opting for this scheme instead of the government pension scheme.

Many contract doctors are also said to be in favour of signing up for the EPF scheme. After all, all they want are permanent jobs.

With EPF, they could live their lives like any other professional

RAGANANTHINI  
VETHASALAM  
raga@thestar.com.my



## Comment

in the private sector. They also get job security and a nest egg to take care of them after retirement.

"They are keen on EPF; that seems like the right option," said one doctor who has been a strong advocate for reforms in the healthcare sector.

Hartal Doktor Kontrak, in fact, says this is nothing new. It had proposed the EPF scheme as far back as 2021, when the government cited budget constraints as a hindrance.

"However, the issue then was that the Pensions Act had to be

amended to allow doctors to be hired under the EPF scheme. Until now, they have not amended the act," said a spokesperson for the group.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni had said late last month that the government was still studying the need to amend the Act.

Discussions were also being held with the Public Service Department (JPA).

The ministry, he said, was examining the proposal in a comprehensive manner, as it would also involve medical staff in the pharmacy and dental sectors, in addition to solving the shortage of medical personnel such as nurses and physiotherapists.

The ministry cannot afford to "examine" this for much longer. The problem is getting more acute. Every year, many doctors enter and exit the system, and patience is running low in the medical fraternity.

A top EPF official also once agreed that doctors are a poten-

tial pool of contributors that has not been fully tapped.

If that vacuum is filled, the doctors will have retirement security, while the EPF will see an increased pool of contributors, leading to more money to invest and better dividends.

Freeing the government of part of the burgeoning pension bill will be helpful.

In some cases, the government provides monthly pension payments for a pensioner and the surviving spouse for up to 40 years. It just may not be practical.

Prominent economist Dr Yeah Kim Leng acknowledged that the government's pension bill is "clearly unsustainable".

"If left unchecked, the pension burden will crowd out future allocations for healthcare, education, social assistance for the poor and elderly, and environmental protection.

"These essential expenditures are also rising amid declining tax revenue-to-Gross Domestic Product trends," says Dr Yeah.

While they are trying to solve the doctor's dilemma, this may be a good time to re-examine the Pensions Act as a whole, with more professions in the civil service coming under the EPF scheme.

"Given inflation and the millennials' preference for job mobility and flexibility, new government employees may find the mandatory EPF contribution a more attractive option than receiving half the last drawn salary under the pension scheme," Dr Yeah added.

The government's savings, meanwhile, can be ploughed into programmes and projects that are beneficial for the people, including healthcare.

We cannot afford to have the healthcare system brought to its knees because funds are needed for the huge pension bill.

The EPF proposal would definitely benefit both the government and healthcare workers.

It may just be the pill the profession - and the government service as a whole - needs.